

Newspaper	Berita Harian
Date	27 August 2015

JKE perkukuh asas ekonomi negara: PM

» Jawatankuasa khas akan pertimbang perancangan segera tangani cabaran semasa

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) akan mempertimbangkan perancangan segera dan jangka sederhana bagi mengukuhkan asas ekonomi Malaysia serta membantu menangani cabaran semasa ekonomi dunia.

Antaranya termasuk isu-isu semasa seperti nilai ringgit, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan serta mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata keputusan mewujudkan JKE berdasarkan keperluan kerajaan membangunkan dan melaksanakan strategi serta-merta dan pelan tindakan untuk memastikan pertumbuhan berterusan ekonomi Malaysia.

Mesyuarat lebih kerap

"JKE akan mengadakan mesyuarat pertamanya pada awal minggu hadapan. Jawatankuasa ini juga akan bermesyuarat setiap minggu atau lebih kerap jika perlu untuk menimbang dan mencadangkan langkah-langkah segera.

"Petunjuk Prestasi Utama (KPI) JKE ini ialah membantu kerajaan menangani cabaran semasa. Jadi tempoh masa JKE ini



Najib mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) di Bangunan Perdana Putra, di Putrajaya, semalam.

[FOTO BERNAMA]

adalah terhad sehingga kemelut ekonomi yang dihadapi dunia ketika ini reda dan ekonomi dunia stabil," katanya pada sidang media mengenai penubuhan JKE di Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Beliau juga mengumumkan JKE dipengerusikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Abdul Wahid Omar serta turut dianggotai pakar ekonomi, tokoh korporat dan pegawai kanan agensi kerajaan, antaranya Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Tan Sri Azman Mokhtar dan Pengerusi Kumpulan CIMB, Datuk Seri Nazir Razak.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, segala cadangan serta hasil perbincangan yang dicapai menerusi JKE akan dilaporkan terus kepada Perdana Menteri.

"Menerusi JKE juga kita boleh menjemput sesiapa difikirkan patut untuk membuat

pembentangan dalam mesyuaratnya, jadi kalau kita fikir ada ahli ekonomi dari mana-mana orgahisasi yang ada cadangan bernas, boleh dijemput.

"Kalau cadangan kena pada tempatnya maka akan dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan," katanya.

Tumpu isu menyeluruh

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Majlis Ekonomi sedia ada pula yang kini dipengeruskannya akan terus berfungsi dengan memberi tumpuan kepada isu ekonomi yang menyeluruh.

"Majlis Ekonomi akan merumuskan strategi mengekalkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan langsung asing dan domestik serta mengenal pasti cara mengawal inflasi.

"Majlis itu juga akan merangka strategi bagi memastikan bekalan yang mencukupi dan

INFO

JAWATANKUASA KHAS EKONOMI (JKE)

Pengerusi

● Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), **Datuk Seri Abdul Wahid Omar**

Anggota JKE

- Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Bhd, **Tan Sri Nor Mohamed Yakcop**
- Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, **Tan Sri Azman Mokhtar**
- Ketua Penasihat kepada Suruhanjaya Peraturan Perbankan China, **Tan Sri Andrew Sheng Len Tao**
- Pengerusi Eksekutif Symphony Life Berhad, **Tan Sri Mohamed Azman Yahya**
- Pengerusi Kumpulan CIMB, **Datuk Seri Nazir Razak**
- Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RAM Holdings Berhad, **Datuk Seri Dr K Govindan**
- Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, **Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali**
- Pengerusi Persatuan Bank-Bank Malaysia, **Datuk Abdul Farid Alias**
- Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia, **Datuk Seri Saw Choo Boon**

merangka jaringan keselamatan sosial yang komprehensif untuk melindungi kumpulan berpendapatan sederhana dan rendah," katanya.

JKE akan disertai sama beberapa ahli dan ex officio yang terdiri daripada pegawai tertinggi Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Suruhanjaya Sekuriti, Pejabat Perdana Menteri dan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Datuk K Yogeveswaran akan dilantik sebagai Ketua Sekretariat JKE.

BH - 27/8/2015